

Banjir kilat 17 kali landa SK Sungai Terah tahun ini

» Pekarangan sekolah dipenuhi air 30 sentimeter selepas hujan lebat dua jam

Oleh Ramli Ibrahim
bhkb@bh.com.my

■ Gua Musang

Banjir kilat di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Terah, dekat sini akibat hujan lebat, petang kelmarin, menyebabkan guru dan murid terpaksa bergotong-royong membersihkan kelas yang dipenuhi lumpur, semalam.

Banjir kilat itu bukan kali pertama berlaku di sekolah berkenaan, sebaliknya 17 kali tahun ini yang menyebabkan pelajaran murid terganggu.

Guru Besarnya, Rusnayati Zainal, berkata hujan lebat jam 4 petang kelmarin selama dua jam, menyebabkan pekarangan sekolah dipenuhi air sedalam 30 sentimeter.

3 jam air surut

“Setiap kali banjir kilat, ia mengambil masa tiga hingga lima jam untuk surut kerana sistem perparitan sekitar penempa-



Murid kelas Pra Cemerang SK Sungai Terah **membantu guru membersihkan lumpur** selepas banjir kilat, kelmarin.

[FOTO RAMLI IBRAHIM/BH]

tan penduduk tersumbat menyebabkan air hujan bertakung di kawasan sekolah.

“Ia membebaskan murid dan guru kerana gotong-royong terpaksa setiap kali banjir kilat bagi membersihkan lumpur yang memenuhi kelas dan pekarangan sekolah,” katanya.

Rusnayati berkata, pihaknya sudah membuat permohonan melalui Pejabat Pelajaran Da-

erah (PPD) supaya membina longkang lebih besar di kawasan itu.

Katanya, permohonan itu sudah diluluskan dan pembinaan longkang akan dilakukan dalam masa terdekat.

Guru, Zulfazli Hashim, 34, berkata banjir mula surut kira-kira jam 10 malam.

“Kami terpaksa gotong-royong bersama murid bagi membersihkan lumpur sebe-

lum memulakan persekolahan hari ini (semalam),” katanya.

Murid kelas Pra Cemerang sekolah itu, Humairah Saiful Johari, 6, berkata sudah banyak kali dia membantu guru membersihkan kelasnya yang berlumpur selepas banjir kilat.

Katanya, kemudahan permainan dalam kawasan sekolah itu juga kerap rosak akibat banjir.